

**Lincoln Corner Dibuka Di Perpustakaan Sultan Ismail
Bernama
24 Mac, 2012**

JOHOR BAHRU, 24 Mac (Bernama) -- Rakyat Johor berpeluang memanfaatkan koleksi istimewa maklumat berkaitan Amerika apabila Lincoln Corner dibuka secara rasmi kepada orang ramai di Perpustakaan Sultan Ismail di sini.

Menurut kenyataan kedutaan negara itu, Timbalan Ketua perwakilan Lee McClenny dan Datuk Bandar Johor Baharu Burhan Amin akan menyempurnakan perasmian Lincoln Corner di perpustakaan berkenaan di Jalan Datin Halimah Selasa depan.

Sudut itu, yang kesembilan seumpamanya di Malaysia, akan menempatkan kira-kira 1,000 jilid buku berkualiti tinggi dari Amerika, majalah, permainan berpapan, dan produk multimedia seperti DVD untuk kanak-kanak dan golongan muda.

Topiknya meliputi cereka, gaya hidup dan budaya Amerika, alam sekitar, sains dan teknologi serta pengajaran bahasa Inggeris.

Kedutaan itu menyumbangkan dua iPad untuk kegunaan pengunjung.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654627>